

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera

YBrs. Tuan/Puan,

EDARAN UPAIP	:	BIL. 1/2025
TAJUK	:	TATACARA KELULUSAN KHAS PELUPUSAN ASET BUKAN KEWANGAN MELIBATKAN TAHUN KEWANGAN BERLAINAN
TARIKH	:	11 Ogos 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, BPOPA telah mengemaskini Tatacara Kelulusan Khas Pelupusan Aset Bukan Kewangan Melibatkan Tahun Kewangan Berlainan. Tatacara ini mestilah dibaca bersekali dengan Panduan Permohonan Penggunaan Kod Akaun Lebihan Atau Kurangan Terkumpul (*Retained Earnings* (RE)) yang telah diedarkan terdahulu.

3. Adalah dimaklumkan juga bahawa, bagi pelupusan aset bukan kewangan tahun kewangan berlainan akan dimuat naik semula melalui strategi migrasi Batch 2 yang diselaras oleh PPPA pada bulan November ini. BA/PTJ boleh menyelaras tindakan pelupusan dan permohonan RE sebelum 30.9.2025 selaras dengan emel edaran BPOPA bertarikh 13 Jun 2025.

4. Bersama-sama ini dikepilkan Tatacara Kelulusan Khas Pelupusan Aset Bukan Kewangan Melibatkan Tahun Kewangan Berlainan versi kemaskini Ogos 2025 untuk perhatian dan tindakan tuan/puan. Perhatian dan kerjasama semua pihak berhubung perkara ini amatlah diharapkan dan diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

MOHD TAUFIK BIN HJ AHMAD

Unit Perakaunan Aset & Inventori Persekutuan

Seksyen Pengurusan Perakaunan Amanah

Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

03-88821544